

NUVANTA CHONDROSAMINE TABLET

Glucosamine Hydrochloride 500mg dan Chondroitin Sulfate Sodium 445mg bersamaan Chondroitin Sulfate 400mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Nuvanta Chondrosamine Tablet
2. Bagaimana Nuvanta Chondrosamine Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Nuvanta Chondrosamine Tablet
4. Cara menggunakan Nuvanta Chondrosamine Tablet
5. Semasa menggunakan Nuvanta Chondrosamine Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nuvanta Chondrosamine Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Nuvanta Chondrosamine Tablet

Nuvanta Chondrosamine Tablet digunakan sebagai terapi tambahan untuk osteoarthritis

Bagaimana Nuvanta Chondrosamine Tablet berfungsi

Nuvanta Chondrosamine Tablet memberi kelegaan kepada pesakit arthritis dengan mengurangkan inflamasi sendi dan melegakan kesakitan

Sebelum menggunakan Nuvanta Chondrosamine Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan
Mereka yang menghidap diabetes Type II dan mereka yang mempunyai masalah toleransi glukosa, jika ingin mengambil glucosamine dan ubat anti radang (dalam kes kesakitan yang teruk), sila pastikan kandungan gula dalam darah diberi pengawasan pada hari pertama pengambilan.

Mereka yang mengambil warfarin dan mereka yang menghidap heamofilia perlu berhati-hati mengambil produk ini.

Pastikan chondroitin tidak diambil bersama dengan chitosan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain
Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Pesakit diabetes perlu mengambil glucosamine di bawah pengawasan perubatan

- Mengandung dan menyusukan anak
Untuk wanita mengandung dan menyusukan anak, sama seperti ubat yang lain, tablet ini perlu diberikan dibawah pengawasan perubatan.

Cara menggunakan Nuvanta Chondrosamine Tablet

- Berapa banyak harus digunakan
Simptom yang ringan ke sederhana: 1 tablet 2 kali sehari, 15minit sebelum makan untuk sekurang-kurangnya 6 minggu (Atau seperti preskripsi perubatan)

Simptom osteoarthritis teruk:-
Terapi awal: 1 tablet 3 kali sehari, 15 minit sebelum makan untuk sekurang-kurangnya 8 minggu
Terapi susulan: 1 tablet 2 kali sehari, 15 minit sebelum makan. Terapi perlu diteruskan untuk 3-4 bulan dengan mengambil 1 tablet sekali sehari.

Perlu diambil secara oral.

- Bila perlu digunakan
Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan
Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Rawatan jangka panjang:
Rawatan harus diulangi setiap 6 bulan atau kurang mengikut preskripsi perubatan.

- Jika terlupa menggunakan
Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan

jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)
Tiada kes berlebihan dos samaada secara tidak sengaja atau sengaja yang dilaporkan. Kajian toksikologi ke atas haiwan menunjukkan kesan toksik dan simptom keracunan tidak akan berlaku walaupun dengan dos yang tinggi. Namun begitu, jika berlaku pengambilan ubat dengan kadar yang terlalu tinggi, pesakit perlu diberi perhatian secara terperinci and rawatan ke atas simptom tertentu perlu dimulakan

Semasa menggunakan Nuvanta Chondrosamine Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan
Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Nuvanta Chondrosamine Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Nuvanta Chondrosamine Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Pesakit diabetes perlu mengambil glucosamine di bawah pengawasan perubatan

Glucosamine adalah dari hasil laut dan chondroitin adalah dari bovine.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Nuvanta Chondrosamine Tablet* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Di bawah merupakan kesan sampingan yang mungkin di alami sesetengah orang:

1. Kardiovaskular
Edema periferi, takikardia ada dilaporkan dalam sesetengah pesakit berikutan siasatan ujian kilikinal untuk pengambilan secara oral dalam osteoarthritis.
2. Sistem saraf pusat
Mengantuk, sakit kepala, insomnia jarang didapati semasa terapi (kurang dari 1%).
3. Gastrousus
Mual, muntah, cirit-birit, dispepsia atau sakit epigastrik, sembelit, pedih ulu hati dan anoreksia telah dijelaskan jarang dialami semasa terapi oral dengan glukosamin.
4. Kulit
Reaksi kulit seperti eritema dan pruritus ada dilaporkan dengan pengambilan terapeutik glukosamin.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan *Nuvanta Chondrosamine Tablet*

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30 °C, diletakkan yang kering jauh dari sinar matahari.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet ini berwarna putih ke putih kekuningan, berbentuk bujur, kosong, 16.6mm panjang, tablet bersalut filem.

- Bahan-bahan kandungan

Produk ini mengandungi Glucosamine Hydrochloride 500mg dan Chondroitin Sulfate Sodium 445mg bersamaan Chondroitin Sulfate 400mg.

Manakala eksipien pula terdiri daripada microcrystalline cellulose, magnesium stearate, crospovidone XL, Opadry II White dan air.

- Nombor MAL

MAL19116028X

Pengilang

Unison Nutraceuticals Sdn Bhd
No 13, Jalan Tasik Utama 52, Kawasan Perindustrian Tasik Utama, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

Pemegang Pendaftaran Produk

Unison Nutraceuticals Sdn Bhd
No 13, Jalan Tasik Utama 52, Kawasan Perindustrian Tasik Utama, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/05/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)210812/727